

# KEKAUMAS UMS hargai keprihatinan kerajaan

KOTAKINABALU: Seluruh kakitangan awam seramai 1.24 juta dan 590,000 pesara kerajaan tersenyum lebar kerana mendapat durian runtuh berikutan pengumuman bayaran bantuan khas kewangan RM500 yang akan dibayar sebelum 1 Syawal ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, menyatakan bantuan khas kewangan itu akan dinikmati kakitangan awam dari Gred 1 hingga 54 di seluruh negara.

Presiden Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (KEKAUMAS), Amat Jutrah Musnih, berkata semua kakitangan awam dan pesara di Malaysia dan di Sabah khususnya mengucapkan jutaan terima kasih atas keprihatinan kerajaan itu bagi meringankan beban kakitangan menghadapi Syawal akan datang.

Katanya, Perdana Menteri amat menghargai tugas yang telah dilaksanakan oleh kakitangan awam yang memberangsangkan dan sangat prihatin dengan tanggungjawab masing-masing seperti yang telah diamanahkan sebelum ini.

Perkara demikian telah dimantapkan oleh Perdana Menteri dengan semangat 1 Malaysia 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.'

"Saya berharap semua kakitangan awam di seluruh negara,

khususnya kakitangan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) meningkatkan lagi mutu perkhidmatan mereka dalam menjalankan tugas sebagai kakitangan awam dengan lebih yakin dan bertanggungjawab.

"Perdana Menteri adalah sebagai bapa, manakala kita ini adalah anaknya. Jika bapa melihat anaknya dapat menjaga nama baik bapa (keluarga) sudah pasti seorang bapa akan memberikan penghargaan dengan pencapaian berkenaan," katanya.

Katanyai, bantuan berkenaan hendaklah dibayar dalam sekali bayaran sahaja oleh setiap jabatan kerajaan kepada setiap kakitangan dengan kadar yang segera.

Amat Jutrah berkata walaupun nilai RM500 dilihat sebagai sedikit tetapi ianya amat bermakna kepada mereka yang tidak berkemampuan.

"Gunakanlah wang berkenaan untuk membeli barang keperluan Aidilfitri termasuk pakaian selain makanan dan minuman," katanya.